



# Pemangkin Perniagaan Beretika, Pelindung Kepentingan Pengguna



TIMBALAN Ketua Setiausaha Perdagangan Dalam Negeri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Mohd. Arif Abdul Rahman (lima dari kanan) bersama-sama Timbalan Naib Canselor Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni, Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr. Muhammad Shatar Sabran (belakang, empat dari kanan), Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Kementerian Pelajaran Malaysia, Datuk Dr. Khair Mohamad Yusof (enam dari kanan) dan Timbalan Ketua Setiausaha Kepenggunaan dan Pengurusan KPDNKK, Datuk Basaruddin Sadali meraikan para pemenang CIP KPS 2013 pada majlis penutup pertandingan tersebut yang diadakan di Panggung Percubaan, UPM, Serdang. - UTUSAN / MOHD NAJIB MOHD NOR

Semarakkan budaya kepenggunaan dalam kalangan pelajar

# CIP KPS 2013 berjaya capai matlamat

KEARIFAN meningkatkan pengetahuan kegunaan dalam kalangan ahli-ahli Kelab Pengguna Sekolah (KPS) melalui pendekatan interaktif dan bersepadu, pelbagai inisiatif dilaksanakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan.

Salah satu pendekatan terkini diambil adalah dengan menganjurkan pertandingan bersifat interaktif iaitu Cabaran Interaktif Pengguna Kelab Pengguna Sekolah (CIP KPS) bagi memastikan matlamat mewujudkan budaya kepenggunaan dalam kalangan pelajar sekolah mampu direalisasikan.

Pertandingan dianjurkan secara tahunan oleh pihak KPDNKK dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) ini telah disertai ahli-ahli KPS dari seluruh negara dan dilangsungkan di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang bermula 23 hingga 25 April yang lalu.

Program tersebut mula dilaksanakan pada tahun 2011 bagi menggantikan pertandingan Kuiz Pengguna Antara Sekolah Menengah yang diadakan sejak tahun 1992.

CIP KPS menggunakan konsep pertandingan interaktif ala 'explorace' yang menguji pengetahuan, kecekapan dan kerjasama ahli-ahli KPS dalam pelbagai aspek seperti pemakanan sihat, pengurusan kewangan berhemat, pemeliharaan alam sekitar, asas perundangan pengguna dan kerjasama berpasukan.

CIP KPS 2013 Peringkat Negeri telah dijalankan bermula bulan Mac hingga April 2013 dengan melibatkan penyertaan seramai 3,908 pelajar daripada 9,77 buah sekolah menengah dari seluruh negara. Jumlah ini menunjukkan peningkatan berbanding tahun lepas iaitu 732 sekolah (2,928 pelajar).

Pertandingan Peringkat Kebangsaan pula yang baharu sahaja dilangsungkan di UPM menyaksikan seramai 64 pelajar daripada 16 buah sekolah menengah yang merupakan pemenang CIP KPS di peringkat negeri telah bertanding bagi menentukan kejuaraan.

Pada pertandingan kali ini, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Derma,



PARA pelajar dari SMK Darma, Kangar, Perlis kelihatan riang selepas dinobatkan sebagai Juara CIP KPS 2013 Peringkat Kebangsaan.

Kangar Perlis muncul johan pertandingan manakala tempat kedua milik Sekolah Sultan Alam Shah, Putrajaya, sementara tempat ketiga Sekolah Berasrama Penuh (SBP) Integrasi Jempol, Negeri Sembilan.

Sementara itu, pertandingan CIP KPS 2013 kali ini menyaksikan pelbagai pengisian dan penambahbaikan pelaksanaan program dibuat berbanding tahun-tahun sebelumnya bagi menjadikan pertandingan tersebut lebih eksklusif.

Antara penambahbaikan dilakukan termasuklah pelaksanaan program Jejak Menara Gading, di mana lokasi pertandingan CIP KPS di peringkat kebangsaan telah

dilangsungkan di institusi pengajian tinggi (IPT).

ia bertujuan untuk memberikan pendedahan awal dan menanam minat kepada ahli-ahli KPS untuk melanjutkan pengajian ke peringkat universiti serta meneruskan penglibatan aktif mereka dalam Gerakan Pengguna Siswa (GPS).

#### Perluasan Program

Bagi peringkat kebangsaan pula, selain aktiviti *explorace*, para peserta digandingkan bersama siswa-siswi UPM yang bertindak sebagai mentor bagi mereka.

6 la bertujuan untuk memberikan pendedahan awal dan menanam minat kepada ahli-ahli KPS untuk melanjutkan pengajian ke peringkat universiti serta meneruskan penglibatan aktif mereka dalam Gerakan Pengguna Siswa (GPS).

Selain itu, setiap pelajar yang terlibat dalam program ini turut dilindungi dengan insurans berkelompok meliputi sepanjang program serta perjalanan pergi dan balik ke negeri masing-masing.

Di samping itu, selain pemenang hadiah utama iaitu Johan, Naib Johan dan tempat Ketiga, Anugerah Khas turut diperkenalkan bagi pemenang di setiap tugas atau check point iaitu dikenali sebagai Anugerah Pengguna Bijak, Anugerah Mesra Alam, Anugerah Nutri-X, Anugerah Bijak Wang, Anugerah 1Pengguna 1Suara dan Anugerah Putra Pengguna.

Dalam pada itu, pihak KPDNKK merancang untuk memperluaskan program francais di peringkat sekolah bagi menyemai minat keusahawanan dalam kalangan pelajar.

Timbalan Ketua Setiausaha KPDNKK, Datuk Mohd. Arif Abd. Rahman berkata, usaha menjalankan perniagaan jenis francais dengan melibatkan pelajar diharapkan dapat dilaksanakan bermula pada tahun depan.

"Sekarang di dalam sektor kerajaan pun agak sukar untuk mendapatkan pekerjaan, jadi kita mahu memberi pendedahan awal kepada para pelajar untuk bekerja sendiri."

"Dengan itu, kita berharap usaha yang dilakukan ini dapat melahirkan lebih ramai tenaga kerja sendiri khususnya dalam bidang keusahawanan," katanya ketika berucap pada majlis penutup pertandingan CIP KPS 2013 Peringkat Kebangsaan di UPM, Serdang baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor UPM, Prof. Dr. Mohammad Shatar Sabran dan Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr. Khair Mohamad Yusof dan

Timbalan Ketua Setiausaha Kepenggunaan dan Pengurusan KPDNKK, Datuk Basaruddin Sadali.

Pertandingan CIP KPS dijalankan dengan kerjasama strategik pelbagai kementerian, agensi kerajaan dan swasta melalui program tanggungjawab korporat (CSR) masing-masing.

Sehingga kini, antara pihak terlibat menjayakannya ialah Bank Rakyat, Perbadanan Nasional Berhad (PNS), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Kosmo, Harmoni, Giant, Tesco, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Alam Sekitar dan Gabungan Persatuan Pengguna-pengguna Malaysia (FOMCA).

#### Objektif Penganjuran CIP KPS

- Meningkatkan pengetahuan kepenggunaan ahli-ahli KPS melalui pendekatan interaktif dan bersepadu
- Mengembangkan daya kreativiti, inovasi dan potensi diri ahli-ahli KPS dalam aspek kepenggunaan
- Menguatkan jaringan kerjasama antara ahli-ahli KPS di seluruh negara
- Menyemarakkan pelaksanaan program-program kepenggunaan di peringkat sekolah selari dengan keperluan semasa dan dasar-dasar kerajaan

#### Senarai Pemenang CIP KPS Peringkat Kebangsaan

Bil.	PEMENANG	KEDUDUKAN	HADIAH
1	SMK Derma, Perlis	Johan	(i) Wang tunai RM2,500 (ii) Sijil, piala (iii) Piala Pusingan
2	Sekolah Sultan Alam Shah, Putrajaya	Naib Johan	(i) Wang tunai RM1,750 (ii) Sijil, piala
3	SBP Integrasi Jempol, Negeri Sembilan	Tempat Ke-3	(i) Wang tunai RM1,250 (ii) Sijil, piala
4	SMK ST. Anne's Convent, Kedah	Anugerah 'Pengguna Bijak'	Sijil & Baucer Giant RM 500
5	SMK Inderapura, Pahang	Anugerah 'Mesra Alam'	Sijil & Baucer Tesco RM 500
6	SMK Tengku Intan Zaharah, Terengganu	Anugerah 'Nutri-X'	Sijil & Baucer Tesco RM 500
7	SMK Kota Marudu, Sabah	Anugerah 'Bijak Wang'	Sijil & hadiah sumbangan Bank Rakyat berupa Baucer Akaun Simpanan-i Tawfir (RM1000)
8	SMK Gemereh, Johor	Anugerah '1Pengguna 1Suara'	Sijil & Baucer Giant RM 500
9	SMK ST. Elizabeth, Sarawak	Anugerah Putra Pengguna (UPM)	Sijil, piala & hadiah Iringan



MOHD. Arif menyerahkan sijil penghargaan kepada Pengarang Berita KOSMO!, Wan Hasnan Wan Hasan pada majlis Penutup CIP KPS 2013 Peringkat Kebangsaan yang dilangsungkan pada 25 April lalu di Panggung Percubaan UPM, Serdang.